

11/8/18

Tabung Haji saran umat Islam segera daftar haji

Kota Kinabalu: Tabung Haji (TH) menyarankan umat Islam supaya tidak bertangguh untuk menabung dan mendaftar dengan agensi itu bagi menunaikan ibadah haji.

Pengarah TH Wilayah Sabah dan Sarawak, Datin Nurlaila Said berkata, pendekatan itu penting bagi memastikan semua umat Islam berpeluang menunaikan ibadah haji.

Katanya, pihak TH juga meminta kerjasama umat Islam yang sudah menunaikan ibadah haji supaya membantu TH menyebarluaskan mesej itu kepada ahli keluarga atau rakan yang belum menabung dan mendaftar haji.

"Kita berharap jemaah terus menjadi duta kami menyampaikan mesej kepada keluarga, sahabat handai dan saudara-mara yang belum lagi membuka akaun TH.

"Begitu juga mereka yang belum lagi mendaftar haji kita mohonlah untuk singgah di mana-mana pejabat cawangan yang berdekatan," katanya kepada pemberita selepas meraikan petugas haji dari Sabah sempena

musim haji tahun ini, di sini, petang kelmarin.

Seramai 176 petugas haji dari Sabah diraikan pada majlis itu terdiri daripada anggota TH dan kakitangan agensi lain yang terbabit dalam operasi sepanjang musim haji tahun ini.

Bagi tahun ini, seramai 1,079 jemaah haji dari negeri ini terpilih ke Tanah Suci melalui enam penerbangan.

Sementara itu, Nurlaila berkata, bagi umat Islam yang terlupa sama ada pernah membuka akaun dan sudah mendaftar bagi menunaikan haji atau belum, mereka juga boleh melakukan semakan di pejabat TH berdekatan.

Katanya, umat Islam yang sudah menunaikan rukun Islam kelima itu juga digalakkan untuk terus menabung di TH sebagai tanda sokongan terhadap institusi berkenaan.

Beliau berkata, aktiviti menabung di TH dapat membantu memartabatkan ekonomi Islam selain membolehkan lebih banyak program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk kepentingan umat Islam dapat dilaksanakan.